

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 28

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- a) status terkini siasatan SPRM berkaitan kes skandal terowong bawah laut Pulau Pinang ; dan
- b) apakah Konsortium Zenith telah dibersihkan daripada sebarang tuduhan salah laku.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat Jerai, SPRM telah membuka beberapa kertas siasatan berhubung tohmahan rasuah berkaitan Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang. Salah satu daripada kertas siasatan tersebut telah pun menghasilkan pendakwaan dimana seorang telah pun dituduh di Mahkamah pada 3.4.2019.

(b) Siasatan bagi kertas siasatan yang lain masih berjalan dan SPRM akan mengesyorkan pendakwaan sekiranya terdapat bukti kesalahan rasuah oleh mana-mana pihak termasuk Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.